

PM bincang soal Dasar

UM 12 DEC 2002

Daripada
ZAHARUDDIN MOHD. ALI

TOKYO 11 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan memulakan lawatan rasmi dua hari ke Jepun esok, akan membincangkan soal Dasar Pandang Ke Timur yang dilaksanakan di Malaysia sejak 1982.

Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Marzuki Mohamad Noor berkata, lawatan Dr. Mahathir itu adalah atas jemputan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi untuk meraikan ulang tahun ke-20 pelaksanaan dasar tersebut.

Sepanjang lawatan itu, beliau yang mempunyai atur cara yang ketat, dijadual akan menyampaikan ucapan pada seminar sempena ulang tahun ke-20

Dasar Pandang Ke Timur esok dan simposium mengenai Islam di Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada hari berikutnya.

Menurut beliau, seminar itu disifatkan sebagai amat penting bagi kedua-dua negara menganalisis hala tuju masa depan dasar tersebut dan mendekatkan kerajaan serta masyarakat Jepun dengan Malaysia.

“Kita telah meraih banyak manfaat daripada dasar itu khususnya dalam membangunkan sumber manusia terlatih manakala Jepun pula lebih memahami keperluan negara bagi mencapai matlamat menjadi negara maju,” katanya ketika memberi taklimat kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan Perdana Menteri di sini.

Selain itu, pada simposium mengenai Islam yang akan diadakan di Universiti PBB Jumaat ini, kata Marzuki.

Pandang Ke Timur

Beliau memberitahu, ini adalah kali pertama simposium mengenai Islam diadakan di Jepun, yang dianjurkan oleh universiti itu, ahli-ahli Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) di Jepun dan Jawatankuasa Ahli Parlimen Jepun mengenai Islam dengan sokongan Kementerian Luar.

Marzuki juga menarik perhatian, pada simposium itu, ahli-ahli Parlimen Jepun akan mengambil kesempatan mendengar sendiri penerangan mengenai Islam.

Katanya selepas serangan penganas pada 11 September 2001 di New York, Parlimen Jepun menubuhkan satu jawatankuasa mengenai Islam dan ini kesempatan terbaik untuk ahli-ahli mereka lebih memahami dunia Islam.

Terdahulu, katanya, Perdana Menteri akan diterima mengadap Maharaja Jepun, Akihito dan Raja Permaisuri Michiko.

Perdana Menteri juga akan menerima kunjungan hormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun, Takeo Hiranuma di hotel penginapannya dan bertemu dengan rakan sejawatannya, Koizumi.

Beliau kemudian akan diraikan dalam jamuan makan malam oleh Menteri Luar, Yoriko Kawaguchi.

Pada hari Jumaat, Dr. Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan tokoh-tokoh korporat Jepun.

Selepas itu, Perdana Menteri akan mengadakan lawatan ke taman tema Tokyo Disney Sea dan menerima kunjungan Menteri Kewangan Jepun, Masajuro Shiokawa pada sebelah tengah hari.

Pada petang pula, beliau dijadualkan akan menyampaikan ucapan pada simposium mengenai Islam yang bertemakan *Islam: Memupuk Keamanan* di Universiti PBB sebelum mengakhiri lawatan rasminya. — *Utusan*